



KEMENTERIAN PEMBANGUNAN
USAHAWAN DAN KOPERASI

SIARAN MEDIA

PAVILION KUSKOP DI FOODEX KANSAI 2024 MAMPU TARIK RM20 JUTA POTENSI JUALAN

KUALA LUMPUR, 20 September – Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi (KUSKOP) menasaskan **RM20 juta** potensi jualan usahawan pada **Ekspo Foodex Kansai 2024 di Intex Osaka, Jepun** yang berlangsung pada 18 hingga 20 September 2024.

Delegasi misi perdagangan ini diketuai oleh **YBhg. Dato' Sri Khairul Dzaimie bin Daud, Ketua Setiausaha KUSKOP** turut disertai oleh **15 usahawan bawah Program Pembangunan Vendor dan 10 usahawan bawah Program Pengantarabangsaan Halal**. Beliau juga telah menyempurnakan Majlis Perasmian Pavilion Malaysia di Foodex Kansai 2024.

Dalam ucapannya semasa sesi padanan perniagaan, YBhg. Dato' Sri Khairul Dzaimie menyatakan bahawa penyertaan kali pertama di Foodex Kansai ini akan membuka peluang perniagaan yang lebih luas bagi usahawan tempatan terutamanya dalam industri makanan dan minuman di pasaran global. Ini selari dengan inisiatif memperkenalkan dan memperkukuh jenama Halal Malaysia di peringkat global dan memudahkan akses produk Halal Malaysia ke pasaran antarabangsa. Beliau turut menyoroti potensi pasaran halal global yang **dijangka mencapai \$9 trilion USD menjelang tahun 2030**.

Selain itu, beliau juga menyaksikan **sesi pertukaran Memorandum Persefahaman (MoU)** antara SD Impex Japan bersama Syarikat Tokku Leko Sdn. Bhd. dan Syarikat Aducktive Food Sdn Bhd bagi membekalkan produk keropok di Jepun. Selain itu, tiga usahawan peserta ekspo ini juga telah melancarkan produk terbaharu masing-masing iaitu Syarikat Boohaci Infinity Sdn. Bhd. (Produk: *Seaweed Crisp*), Syarikat

Riezthelious Sdn. Bhd. (Produk: Kek buah dan biskut) dan Syarikat The Dalucia Sdn. Bhd. (Produk: Susu dan jus minuman).

Pavilion KUSKOP memperkenalkan pelbagai produk halal dan antara yang menjadi tumpuan adalah produk berasaskan ramuan tempatan seperti ikan bilis, ubi kayu, gula apong serta ikan tenggiri.

Penyertaan di Foodex Kansai 2024 adalah hasil kerjasama antara KUSKOP, MIDF dan SME Bank. KUSKOP berharap agar penyertaan ini akan memberi impak positif kepada ekonomi negara serta memperkukuh hubungan perdagangan antarabangsa Malaysia dengan Jepun.

**KEMENTERIAN PEMBANGUNAN USAHAWAN DAN KOPERASI
20 SEPTEMBER 2024**